

TALKING POINTS

Y.BHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB
NAIB CANSELOR UTeM

Program Perundangan dan Integriti

18 Disember 2017, Auditorium Canselori, 8.45 am

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 755 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

Y. Berusaha Tuan Haji Hamilye Sham bin Harun

Pengarah & Ketua Penyelaras

Program Koordinasi dan Pemantauan

Pusat Koordinasi & Pemantauan, Institut Integriti Malaysia.

Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Penolong-Penolong Naib Canselor,

Ybhg. Datuk Azhar bin Mohamed

Penasihat Undang-Undang UTeM

Pegawai Kanan UTeM dan Institut Integriti Malaysia,

Hadirin dan hadirat sekalian.

PENDAHULUAN

- Terima kasih kepada pihak Institut Integriti Malaysia kerana sudi meluangkan masa hadir ke UTeM untuk sesi perkongsian yang bermanfaat kepada seluruh warga UTeM.
- Perundangan dan Integriti merupakan aspek penting yang perlu disematkan di dalam diri setiap individu apatah lagi di kalangan kita sebagai kakitangan Kerajaan.
- Integriti - merujuk kepada kewibawaan dan keutuhan. Integriti itu secara keseluruhan adalah pembawaan kita dari segi peribadi, akhlak, tutur kata dan sopan santun.

- Perbendaharaan kata integriti pada asalnya bukanlah merujuk kepada konsep yang ada hubung kaitnya dengan kehidupan manusia.
- Menurut Oxford English Dictionary, perkataan ini yang berakar umbi daripada kata adjektif bahasa Latin ‘integer’ diguna pakai asalnya untuk menggambarkan keutuhan sesuatu struktur atau binaan (structural integrity).
- Hanya pada 1659, kosa kata ini diperluaskan penggunaannya untuk membezakan konsep benar dan salah dalam kehidupan manusia. Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan integriti sebagai kejujuran dan keadaan sempurna dan utuh.
- Pelbagai definisi integriti mula diketengahkan antaranya sebagai kualiti kejujuran dan ketinggian prinsip-prinsip moral yang dipegang oleh seseorang individu.

- Analogi tentang penilaian kendiri integriti – membayangkan situasi di persimpangan lampu isyarat pada pukul 2 pagi, di kala lampu merah menyala dan tiada sesiapa di situ kecuali diri anda sendiri. Individu yang berintegriti akan tetap mematuhi peraturan, kerana takrif integriti memerlukan individu bertingkah laku berdasarkan prinsip moral dan nilai-nilai etika, tanpa mengambil kira sama ada dilihat ataupun tidak.
- Dalam aspek tadbir urus dan pentadbiran organisasi, keruntuhan integriti menyebabkan berlakunya pelbagai kepincangan seperti peningkatan amalan rasuah dan pecah amanah. Mereka yang tidak memiliki integriti diri yang tinggi akan sentiasa mencari peluang untuk melakukan penyelewengan demi kepentingan peribadi, tanpa memikirkan implikasi perbuatan mereka terhadap imej organisasi dan negara.
- Dalam aspek pendidikan pula, tindakan oleh individu-individu tidak berintegriti boleh mencemar kesucian bidang yang sangat penting untuk membangunkan modal insan negara ini. Perbuatan-perbuatan seperti melakukan plagiat, memanipulasi kelayakan akademik, dan

sebagainya bukan sahaja akan menjasikan reputasi si pelakunya, tetapi juga boleh mengakibatkan kualiti sistem pendidikan negara di semua peringkat dipertikaikan secara keseluruhan.

- Dalam konteks kepimpinan pula, integriti menjadi teras yang sangat penting untuk dijadikan asas penilaian kepada keberkesanan barisan kepimpinan semasa dalam apa jua situasi. Seseorang pemimpin yang berintegriti bukan sahaja perlu ‘bersih’, tetapi juga perlu kelihatan ‘bersih’ pada sebilang masa.
- Justeru, untuk menjadi manusia yang berintegriti memerlukan seseorang individu itu menjadi manusia yang bermoral dan beretika dalam semua aspek kehidupan pada setiap masa.
- Memetik kata-kata cendekiawan Albert Einstein; “...integrity without knowledge is weak and useless, and knowledge without integrity is dangerous and dreadful...”

INTEGRITI DI PERINGKAT UTeM

- Kerajaan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 telah memaklumkan mengenai keputusan Kerajaan menubuhkan Unit Integriti sebagai focal point kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua agensi awam.
- Unit ini bertanggungjawab untuk melaksanakan enam (6) fungsi teras iaitu Tadbir Urus, Pengukuhan Integriti, Pengesahan dan Pengesahan, Pengurusan Aduan, Pematuhan dan Tatatertib
- UTeM melalui perakuan Mesyuarat LPU Bil. 6/2013 telah bersetuju untuk menerima Pekeliling berkenaan secara sepenuhnya bagi dikuatkuasakan sepenuhnya di UTeM.
- Pejabat PUU adalah dipertanggungjawabkan bagi melaksana fungsi-fungsi seperitimana disenaraikan selaras dengan keputusan LPU.

HARAPAN

- Program pada hari ini diharapkan dapat meningkat dan memperkasakan lagi konsep integriti di dalam diri warga UTeM secara khususnya.
- Surah Al-Taubah (105)

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسِيرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُونَ إِلَى
عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَدَةِ فَيُنَبَّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ



Maksudnya:

“Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu

akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian I am menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan"

- Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memperkasa dan membudayakan amalan integriti dalam semua aspek kehidupan bagi memastikan UTeM dan negara Malaysia akan sentiasa ditunjang oleh ahli-ahli masyarakat madani yang memiliki integriti diri yang tinggi.

Terima kasih.